

05/03/2003

Zainab cekal kekalkan warisan tenunan songket

Nor Affizar Ibrahim

"SELAGI ada kudrat dan keupayaan, selagi itulah saya akan terus menenun. Saya tidak akan berhenti menenun selagi hayat masih ada kerana ia sudah begitu sehati dengan hidup saya, sejak dulu hinggalah ke hari ini," ujarnya dalam nada lembut tetapi tegas.

Tekad dan semangat Zainab Mamat yang tinggi, seiring dengan kewibawaan Anugerah Tokoh Kraf Negara 2003 diterimanya di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau adalah tokoh kedua yang menerima anugerah itu sejak mula diperkenalkan pada 1998 oleh Kraftangan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan anugerah itu sempena Hari Kraf Kebangsaan yang berlangsung pada 27 Februari hingga 2 Mac depan.

Selain menerima watiwah penghargaan, beliau turut menerima wang tunai RM30,000, sepasang persalinan songket lengkap bernilai RM1,500, tambang perjalanan, sara hidup RM1,500 dan rawatan perubatan bernilai RM7,000.

Pengiktirafan dan pemilihan Zainab, 60, sebagai Tokoh Kraf Negara, secocok dengan ketokohan, jasa, kreativiti dan pengorbanannya dalam bidang tenunan songket yang sudah diceburi lebih 45 tahun lalu. Perniagaan dikenali, Terengganu Songket adalah mercu tanda kejayaannya dan keluarga.

"Insya-Allah, duit yang saya dapat itu akan digunakan untuk mengembangkan perniagaan. Kita sewajarnya sama-sama berusaha meningkatkan

industri kraf tangan negara khususnya, yang membabitkan khazanah warisan.

Saya juga berharap lebih banyak industri kampung dibantu kerana ia berpotensi meningkatkan industri kraftangan Malaysia," katanya.

Pembabitan dan perhambaan berterusan Zainab dalam bidang tenunan bukannya mengharap pengiktirafan dan penghargaan mana-mana pihak sebaliknya, didorong oleh minat yang mendalam sejak kanak-kanak dan cintanya pada seni warisan bangsa.

"Sudah tentu saya gembira dan berterima kasih kerana diberikan anugerah

ini apatah lagi ia adalah penghargaan terbesar yang saya kecapai sepanjang

menenun. Bagaimanapun, apa yang saya begitu harapkan ialah warisan seni tenunan dapat terus dikekalkan dan diajarkan kepada generasi muda," katanya lagi.

Dilahirkan di Kampung Gelung Gajah, Kuala Terengganu, Zainab atau lebih

mesra dengan panggilan Ngah adalah anak kedua daripada tujuh beradik, berasal dari keluarga penenun songket.

Mengimbas pembabitan awalnya dalam bidang tenunan, Zainab berkata setiap

masa terluang terutama ketika cuti sekolah, beliau amat rajin melihat

dan

memerhati nenek dan ibunya menenun. Sedikit demi sedikit, tersemat minatnya dalam bidang tenunan. Hati kecilnya sering berkata, suatu hari nanti beliau akan menjadi penenun yang berjaya dan tersohor ke seluruh negara.

Bagi meneruskan hasrat dan memenuhi impian, ketika berusia 13 tahun, Zainab yang pernah ditawarkan untuk menjadi guru dan jururawat selepas menamatkan pendidikan, menolak tawaran yang lebih menjamin masa depan itu.

Beliau nekad, memilih bidang tenunan sebagai kerjayanya walaupun terpaksa mengetepikan harapan ibu dan ayahnya yang ingin melihat beliau menjadi guru. Minat, semangat dan kesungguhan beliau menyebabkan keluarga

akur dengan keputusannya.

Sejak keputusan diambil, Zainab berusaha mempelajari segala ilmu untuk menjadi penenun songket. Selama lima tahun menimba ilmu, terlalu banyak cabaran yang dihadapi untuk mendapat dan mempelajari kemahiran menenun. Apatah lagi, ketika itu seni kemahiran menenun tidak tertulis di mana-

mana dan setiap tukang tenun mempunyai kemahiran dalam proses tertentu saja. Keadaan itulah yang ditanganinya dengan cekal.

Berkat kesabaran dan ketekunan beliau berjaya mengumpul dan menguasai kemahiran menenun songket. Kehalusan dan keindahan pada kain yang ditenun

menarik perhatian. Beliau mula menerima tempahan yang banyak dan akhirnya

terpaksa meminta jiran tetangga membantunya.

Katanya, dorongan keluarga mencetuskan semangat untuk terus maju sehingga mampu memahirkan diri dalam tenunan serta berjaya dalam perusahaan tenunan songket. Di samping, usaha gigih yang tidak pernah mengenal erti jemu yang sentiasa disematkan dalam dirinya.

"Hendak seribu daya, mahu seribu usaha. Jika buat kerja itu mestilah bersungguh dan jangan suka bertangguh," ujarinya bersahaja.

Kini, Zainab yang mempunyai enam anak, 20 cucu dan seorang cicit mempunyai seramai 300 pekerja dan penenun. Kewibawaan beliau juga terserlah dalam mengendalikan jumlah pekerja dan penenun yang semakin meningkat.

Bagi memastikan hasil tenunan berkualiti tinggi, beliau mengamalkan sistem pengkhususan dalam mengendalikan setiap pekerja dan penenun.

Mereka

dilatih dengan kemahiran khusus seperti dalam kerja menerai, menganing, menggulung, menyapak, mengarat, menyongket dan menenun.

Dengan bantuan suami, Zainab mencari pasaran di dalam dan luar Terengganu. Selain itu, beliau berbangga, tenunannya bukan saja dipakai kerabat diraja Terengganu tetapi juga kerabat di Brunei Darussalam serta dipasarkan di Singapura.

Sebagai pencinta seni kemahiran tenunan, Zainab turut berusaha menurunkan ilmu dan kemahirannya kepada generasi muda. Langkah awal, beliau ialah memastikan enam anaknya, lima perempuan dan seorang lelaki mempelajari kemahiran,

Baginya, kemahiran itu adalah tambahan kepada nilai kehidupan. Jika mereka tidak dapat pekerjaan yang baik, dengan kelulusan yang ada, mereka

masih meneruskan kehidupan kerana kemahiran menenun menjanjikan pulangan

yang baik.

"Saya percaya tenunan songket kita boleh diterima di luar negara. Tetapi jika dipasarkan dalam bentuk kain samping mungkin sukar. Jadi, cara lebih baik ialah mencari idea untuk menjadikan kegunaannya dalam bentuk seni hiasan dalaman atau cenderahati," katanya yang sentiasa kreatif dan berpandangan jauh dalam mempelbagaikan produk hasil tenunan.

Mengenai reka corak tenunan pula, Zainab berkata penggunaan motif tradisional perlu dikekalkan tetapi pada masa sama rekaan yang moden perlu dipertingkatkan. Ini bertujuan, memberi pilihan yang lebih luas kepada pelanggan dan juga memastikan kita mampu mengekalkan kebanggaan nenek moyang.